

# 47 ahli Puteri UMNO

UM 28 OCT 2002

KUALA LUMPUR 27 Okt. — Sebanyak 47 ahli Puteri UMNO mengesahkan diri bertanding merebut 20 jawatan Exco pada pemilihan peringkat pusat pergerakan itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), 1 November ini.

Jawatan Ketua dan Naib Ketua Puteri tidak dipertandingkan selepas masing-masing dimenangi tanpa bertanding oleh Azalina Othman Said dan Noraini Ahmad.

Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan UMNO, Tan Sri Kamarul Ariffin Mohd Yassin berkata, kesemua 47 orang itu adalah daripada 67 ahli yang

mengesahkan semula persaingan kepada ibu pejabat parti, selepas melepasi kelayakan minimum dua pencalonan daripada bahagian.

Katanya, kedudukan Azalina dan Noraini bagi jawatan nombor satu dan dua akan disahkan secara rasmi pada pemilihan sempena mesyuarat agung pertama itu.

Ia akan dihadiri oleh 663 perwakilan dan akan dirasmikan oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar meng-

umumkan cabutan nombor calon-calon Exco yang mengesahkan diri bertanding di Ibu Pejabat UMNO di sini, hari ini.

Kesemua 47 calon berkenaan berdasarkan turutan nombor satu hingga seterusnya ialah Shahlawati Manap, Kartini Mohd. Baharudin, Haslinda Mohd. Zerain, Khasnoor Abdul Khalid, Marzita Mansor, Roslizah Ali dan Nora'shekin Yusof.

Ini diikuti Hasfizatulnisah Mat Isa, Azlinda Zubir @ Zubin, Nora Azmin Radzuan, Inahwyati Jaini, Siti Azizah Omar, Nolee Ashilin Mohamed Radzi, Radziah Ayub,

## sahkan bertanding 20 jawatan Exco

Arozrita Ariffin, Noraslina Zainal Abidin, Nor Azma Zakaria, Siti Sharifah Nor Md. Yusof dan Yusnita Muhammed Yusoff.

Calon-calon lain ialah Arfah Mahani Amran, Sharifah Syahirah Shikh @ Sy Shiekh, Shahanim Mohamad Yusoff, Ida-moerni Zakaria, Suzaini Sabdin Ghani, Che Sabrina Mohamad, Nordiana Shafie, Nora Liza Mohd. Nordin, Maizatul Akmam Alawi @ Ad Badawi dan Wan Norashikin Wan Noordin.

Lain-lain ialah Hisham Suhaily Othman, Julita Ilhani

Abd. Jabbar, Azlina Mehtab Mohd. Ishaq, Wan Azliana Wan Adnan, Habibah Mohd. Yusof, Norhamizah Mat Tahir, Siti Rahmah Abd. Rashid, Ramlah Saleh, Rosnah Abd. Rashid Shirlin, Nor Raida Abu Zarim dan Norwana Suleiman.

Tujuh lagi ialah Noor Liza Abu Hassan, Khairun Nisa' Roshdi, Rohana Mat Yassin, Mas Ermieyati Shamsudin, Noor Asmah Mohd. Nawawi, Norashikin Che Onn dan Zailiah Jaffar.

Menurut Kamarul, turut disahkan bertanding ialah tiga calon jawatan Pengerusi Tetap Puteri iaitu Bibi Sunita Sakan-

dar Khan, Farida Kee Mui Ling dan Rohani Abu Hassan.

Jawatan Timbalan Pengerusi Tetap pula menyaksikan persaingan antara Marliny Abdul Samad dan Sulasi Mahadi.

Dalam pada itu Setiausaha Kerja UMNO, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor ketika ditemui berkata, mesyuarat pemilihan cawangan Puteri selama sebulan berakhir pertengahan September lalu dengan lancar.

Bagaimanapun, katanya hanya mesyuarat cawangan dalam bahagian Pengkalan Chepa yang terpaksa diadakan

semula 29 Oktober ini berikutan lapan cawangannya tidak berpuas hati dengan perjalanan mesyuarat.

"Perjalanan mesyuarat akan dikendalikan oleh Ibu Pejabat parti," katanya.

Tengku Adnan juga berkata, tiga wakil Majlis Tertinggi (MT) yang akan menghadiri pemilihan Puteri Jumaat ini ialah Datuk Seri Shahidan Kassim, Datuk Hassan Harun dan Datuk Shafie Apdal.

Menurutnya, UMNO juga bersetuju melantik Timbalan Pengerusi Tetapnya, Datuk Seri Onn Ismail sebagai Pengerusi Tetap sementara Puteri.